



DOKUMEN TENDER

UNTUK

**TENDER PERKHIDMATAN MEREKABENTUK, MEMBANGUN DAN
MENGUJI SISTEM e-PEMBELAJARAN 2.0 PROGRAM
PEMATUHAN PERSAINGAN UNTUK PIHAK BERKEPENTINGAN**

TENDER MyCC (T) BIL: 2/2023

DISEDIAKAN OLEH :

**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)
Level 15 Menara SSM@Sentral,
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral,
50623 Kuala Lumpur.
TEL: 03-2273 2277
FAX: 03-2272 2293**

Peringatan :

PETENDER DIKEHENDAKI **MEMBACA DAN MEMAHAMI** KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG DI DALAM DOKUMEN TENDER SEBELUM MENGEMUKAKAN TAWARAN TENDER. PETENDER YANG TIDAK MEMATUHI MANA-MANA FASAL DALAM DOKUMEN TENDER TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	KENYATAAN TENDER	4
2.0	ARAHAN/SYARAT-SYARAT AM KEPADA PETENDER	5
3.0	PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN	5
4.0	MAKLUMAT DAN PENGALAMAN SYARIKAT	6
5.0	PENGHANTARAN DOKUMEN TENDER	6
6.0	PERTANYAAN	8
7.0	HARGA TAWARAN	8
8.0	MENARIK BALIK TAWARAN / MENOLAK BALIK TAWARAN	8
9.0	TEMPOH SAH LAKU TAWARAN	8
10.0	SURAT SETUJU TERIMA TENDER	8
11.0	KONTRAK	9
12.0	DUTI SETEM	9
13.0	PERINGATAN MENGENAI RASUAH	9
14.0	PENERIMAAN TENDER	10
15.0	SYARAT-SYARAT TAMBAHAN	10

LAMPIRAN	NAMA LAMPIRAN	MUKA SURAT
LAMPIRAN A	MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK KATEGORI TEKNIKAL	11
LAMPIRAN A1	JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL PERKHIDMATAN MEREKABENTUK, MEMBANGUN DAN MENGUJI SISTEM E-PEMBELAJARAN 2.0	12
LAMPIRAN A2	PENYERAHAN CADANGAN REKABENTUK SISTEM	28
LAMPIRAN A3	CADANGAN JADUAL PELAKSANAAN	29
LAMPIRAN B	MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK KATEGORI KEWANGAN	30
LAMPIRAN B1	SURAT AKUAN PEMBIDA	32
LAMPIRAN B2	SALINAN SIJIL AKAUN PENDAFTARAN DARI KEMENTERIAN KEWANGAN	34
LAMPIRAN B3	SALINAN SIJIL AKAUN BUMIPUTERA DARI KEMENTERIAN KEWANGAN SEKIRANYA ADA	35
LAMPIRAN B4	LAMPIRAN Q	36
LAMPIRAN B5	BORANG KETERANGAN MENGENAI PEMBEKAL	40
LAMPIRAN B6	JADUAL HARGA SPESIFIKASI MEREKABENTUK, MEMBANGUN DAN MENGUJI SISTEM E-PEMBELAJARAN 2.0	43
LAMPIRAN B7	SALINAN PENYATA KEWANGAN BAGI TIGA (3) BULAN TERAKHIR (JULAI, OGOS & SEPTEMBER)	51
LAMPIRAN B8	SENARAI NAMA PROJEK YANG PERNAH DILAKSANAKAN	52

Semua petender hendaklah mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam dokumen pelawaan ini, melainkan setakat mana syarat-syarat tersebut ditolak atau diubah oleh pihak SURUHANJAYA.

1.0 KENYATAAN TENDER

1.1 Tujuan Tender

- 1.1.1 Tender ini adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat dalam bidang perkhidmatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan masih dibenarkan untuk membuat tawaran pada masa ini untuk perkhidmatan yang tersebut di atas.
- 1.1.2 Petender dikehendaki membekalkan perkhidmatan merekabentuk, membangun dan menguji sistem e-pembelajaran 2.0 program pematuhan persaingan untuk pihak berkepentingan.
- 1.1.3 Pelawaan ini adalah terikat kepada arahan–arahan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

1.2 Tempoh Tender

- 1.2.1 Tempoh Tender bagi perolehan ini adalah selama **21 hari kalendar bermula pada 13 Oktober 2023 (Jumaat) dan tarikh tutup sebut harga adalah pada 06 November 2023 (Isnin).**
- 1.2.2 Penyebut Harga hendaklah mengemukakan tawaran **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari pada 06 November 2023**. Tawaran yang dikemukakan selepas jam 12.00 tengah hari **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

1.3 Harga Indikatif

- 1.3.1 Harga Indikatif Jabatan bagi perkhidmatan ini adalah sebanyak **RM600,000.00**. Harga Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Suruhanjaya atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit. Pihak Suruhanjaya tidak menjamin bahawa petender akan dipilih dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.

2.0 ARAHAN/SYARAT-SYARAT AM KEPADA PETENDER

Petender hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai tawaran tender.

2.1 KELAYAKAN UNTUK MEMASUKI TENDER

- 2.1.1 Semua syarikat-syarikat yang hendak menyertai tender ini hendaklah terlebih dahulu **berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang ***Software/System Development (210104)***.
- 2.1.2 Salinan surat Pendaftaran Kementerian Kewangan hendaklah disertakan bersama-sama dengan tawaran. Jika tempoh pendaftaran telah ataupun hampir tamat, petender hendaklah mengemukakan salinan surat daripada Kementerian Kewangan yang menyatakan bahawa permohonan untuk lanjutan telah dibuat.
- 2.1.3 Petender ini adalah terbuka kepada syarikat-syarikat **bertaraf bumiputera** ataupun **bukan bumiputera**. Bagi syarikat yang bertaraf bumiputera, salinan Sijil Taraf Bumiputera daripada Kementerian Kewangan hendaklah disertakan bersama-sama dengan tawaran.
- 2.1.4 Tawaran tender hendaklah dibuat di atas borang-borang yang telah disediakan (selepas ini dipanggil "Dokumen Tender"). Borang-borang lain tidak diterima kecuali sebagai tambahan kepada borang asal yang mengandungi ruang-ruang yang sama dan serupa dari segi ukurannya.
- 2.1.5 Petender mestilah mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan memiliki pengalaman dalam kajian berkaitan;
- 2.1.6 Petender hendaklah mematuhi semua syarat dan terma yang ditetapkan apabila menyertai Tender. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat dan terma yang ditetapkan boleh menyebabkan penyertaan Petender ditolak;

3.0 PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN

- 3.1 Semua pembetulan / pindaan ke atas kesilapan – kesilapan yang dibuat hendaklah ditandatangani secara ringkas oleh orang yang menandatangani Dokumen Tender serta dicop dengan Cop Syarikat petender. Tandatangan ringkas dan pembetulan hendaklah dibuat dengan jelas dan setentang dengan kesilapan yang dibetulkan atau dipinda.

4.0 MAKLUMAT DAN PENGALAMAN SYARIKAT

- 4.1 Petender perlu menyediakan maklumat mengenai syarikat dengan melengkapkan **Lampiran B4** dan menyertakan **Profil Syarikat**.
- 4.2 Petender perlu menyatakan pengalaman syarikat dalam perkhidmatan yang tersebut di atas dengan mengemukakan nama-nama dan alamat syarikat atau agensi yang terlibat. (**Lampiran B8**)

5.0 PENGHANTARAN DOKUMEN TENDER

- 5.1 Tawaran Tender yang diserahkan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

- i. **Kategori Teknikal**

- (a) SATU (1) **DOKUMEN ASAL** berbentuk *hard copy* dan DUA (2) **DOKUMEN SALINAN** berbentuk *hard copy*.
- (b) Semua dokumen sokongan termasuk borang-borang yang telah lengkap diisi hendaklah dijilidkan bersama dengan Tawaran Teknikal secara *ring bounded* agar tersusun rapi dan tiada kecaciran maklumat.
- (c) Ketiga-tiga Tawaran Teknikal di atas hendaklah diikat bersekali dan dibalut dengan *brown paper* serta hendaklah ditandakan "**Kategori Teknikal**" di sebelah kiri atas sampul berkenaan.

- ii. **Kategori Kewangan**

- (a) SATU (1) **DOKUMEN ASAL** berbentuk *hard copy* dan DUA (2) **DOKUMEN SALINAN** berbentuk *hard copy*.
- (b) Semua dokumen sokongan termasuk borang-borang yang telah lengkap diisi hendaklah dijilidkan bersama dengan Tawaran Harga secara *ring bounded* agar tersusun rapi dan tiada kecaciran maklumat.
- (c) Ketiga-tiga Tawaran Harga di atas hendaklah diikat bersekali dan dibalut dengan *brown paper* serta

hendaklah ditandakan "**Kategori Kewangan**" di sebelah kiri atas sampul berkenaan.

- 5.2 Kedua-dua Kategori Teknikal dan Kategori Kewangan di atas hendaklah disertakan dengan **DOKUMEN SOKONGAN** yang mengandungi: **Sijil Pendaftaran Kewangan, Pendaftaran Taraf Bumiputera (sekiranya ada), Profil Syarikat, Penyata Bank bagi tiga (3) bulan terakhir dan lain-lain maklumat tambahan** berkaitan **DAN** dimasukkan ke dalam satu sampul bersaiz besar yang berlakri (*sealed*). Sampul/kotak berkenaan hendaklah ditulis seperti berikut:

**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
SURUHANJAYA PERSAINGAN (MyCC)
Level 15 Menara SSM@Sentral,
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral,
50623 Kuala Lumpur.
MyCC(T) Bil:2/2023**

- 5.3 Petender hendaklah menghantar Dokumen Tender yang lengkap dan sempurna diisi secara **SERAHAN TANGAN** ke dalam Peti Tender yang disediakan sebelum tarikh dan waktu tutup Tender seperti di alamat berikut:
- BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
SURUHANJAYA PERSAINGAN (MyCC)
Level 15 Menara SSM@Sentral,
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral,
50623 Kuala Lumpur.**
- 5.4 Serahan Dokumen Tender secara pos/kurier/emel/faks **Tidak Akan Dipertimbangkan.**
- 5.5 Semua dokumen yang dikemukakan bersama Dokumen Tender oleh Petender adalah menjadi hak milik SURUHANJAYA dan tidak akan dikembalikan.
- 5.6 SURUHANJAYA tidak terikat untuk menerima Tawaran Tender yang terendah atau mana-mana Tawaran Tender atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan tersebut. SURUHANJAYA juga berhak menerima keseluruhan atau sebahagian daripada Cadangan Tender dan keputusan SURUHANJAYA adalah muktamad.
- 5.7 **Tarikh tutup** bagi mengemukakan tawaran ialah pukul **12.00 tengahari**, pada **06 November 2023**.
- 5.8 Pihak Suruhanjaya berhak menolak mana-mana dokumen yang tidak lengkap atau lewat diterima.

6.0 PERTANYAAN

- 6.1 Sebarang pertanyaan mengenai tender ini bolehlah menghubungi pegawai yang berkenaan seperti di bawah:

Cik Nora Helena Helmi
Tel: 03-2273 2277 ext: 238
Emel: nora@mycc.gov.my

ATAU

Cik Haffini
Tel: 03-2273 2277 ext: 222
Emel: haffini@mycc.gov.my

7.0 HARGA TAWARAN

- 7.1 Harga-harga yang ditawarkan dalam tender ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas tender ditutup akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sahlaku tender. Harga yang ditawarkan oleh petender yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.

8.0 MENARIK BALIK TAWARAN / MENOLAK TAWARAN

- 8.1 Petender tidak boleh menarik balik tawaran sebelum tender dipertimbangkan atau menolak tawaran dibuat. Jika petender menarik diri atau menolak tawaran, nama petender akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk tindakan tatatertib, termasuk penggantungan pendaftaran.

9.0 TEMPOH SAH LAKU TAWARAN

- 9.1 Tempoh sah laku tender ini ialah selama 90 hari bermula daripada tarikh tender ditutup. Tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu.

10.0 SETUJU TERIMA TENDER

- 10.1 Suruhanjaya tidak terikat dengan tawaran tender yang terendah atau mana-mana tender jua pun. Keputusan tender adalah muktamad. Suruhanjaya tidak akan melayan sebarang surat-menyurat yang berupa rayuan dari petender berkenaan atas sebab-sebab tender mereka tidak berjaya.
- 10.2 Petender yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian kontrak dengan Suruhanjaya dan adalah terikat dengan syarat dan terma yang terkandung dalam Perjanjian tersebut.

11.0 KONTRAK

- 11.1 Surat perjanjian tidak akan diadakan bagi kontrak yang bernilai kurang daripada RM50,000.00 sementara bagi kontrak yang bernilai lebih daripada RM50,000.00 satu perjanjian akan diadakan. Petender yang berjaya adalah terikat dengan syarat-syarat perjanjian tersebut. Sebarang pindaan terhadap dokumen kontrak akan diberitahu kelak. Syarat-syarat dalam penentuan tender dan syarat-syarat dalam surat tawaran adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat kontrak.
- 11.2 Bagi kontrak bermasa (*time contract*), jumlah kuantiti adalah anggaran sahaja bagi tempoh kontrak yang ditetapkan.
- 11.3 Petender yang berjaya dikehendaki menyediakan kontrak asal serta salinan-salinan fotostat kontrak yang mana segala perbelanjaan tersebut adalah ditanggung oleh penyebut harga.

12.0 DUTI SETEM

- 12.1 Mana-mana duti setem yang perlu dibayar dan perbelanjaan yang berbangkit mengenai perjanjian ini akan ditanggung oleh petender.

13.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 13.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 13.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).
- 13.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 13.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada sebarang barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

14.0 PENERIMAAN TENDER

- 14.1 Suruhanjaya berhak menerima kesemua atau sebahagian daripada spesifikasi/skop bekalan/perkhidmatan/kerja yang telah ditawarkan daripada mana-mana tawaran tender.

15.0 SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

Syarat-syarat tambahan ini adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat kontrak.

15.1 PEMBAYARAN

- 15.1.1 Pembayaran bagi perkhidmatan ini akan dibuat berdasarkan invois yang telah disahkan oleh Suruhanjaya Persaingan berserta dengan salinan akaun bank syarikat.

15.2 PENAMATAN DISEBABKAN OLEH RASUAH, TIPUAN BIDA, AKTIVITI TIDAK SAH ATAU AKTIVITI YANG MENYALAHKAN UNDANG-UNDANG

- 15.2.1 Tanpa prasangka kepada apa-apa hak lain Kerajaan, sekiranya syarikat, kakitangan, perkhidmat atau pekerjanya disabitkan oleh Mahkamah terlibat dengan rasuah, aktiviti tidak sah atau apa-apa perjanjian-perjanjian lain yang dimasuki oleh syarikat dengan Kerajaan, atau didapati terlibat dengan tipuan bida oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia, Kerajaan hendaklah berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan mengemukakan notis bertulis dengan serta merta kepada Syarikat untuk menyatakan sedemikian kepada Syarikat.

- 15.2.2 Kerajaan berhak menuntut daripada Syarikat apa-apa bentuk pampasan, kos, ganti rugi, kerosakan dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Kerajaan akibat daripada penamatan itu.

- 15.2.3 Pihak-pihak bersetuju bahawa Syarikat tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya akibat daripada penamatan itu.

15.3 PERINGATAN MENGENAI PAKATAN HARGA

Sekiranya didapati petender terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses perolehan maka tindakan penarikan balik tawaran kontrak, penamatan kontrak dan lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib boleh diambil mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

DOKUMEN ASAL / SALINAN NO. DARIPADA 2
(sila potong sama ada dokumen asal atau salinan. Jika salinan, sila nomborkan salinan)

KATEGORI TEKNIKAL

**MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK
KATEGORI TEKNIKAL**

Senarai semak berikut perlulah dimasukkan sebagai MUKA DEPAN di dalam Kategori Teknikal. Petender hendaklah memastikan Kategori Teknikal adalah lengkap merangkumi semua item-item yang dinyatakan di bawah dan **tidak menyatakan nama atau logo syarikat** di dalam Kategori Teknikal. Kegagalan petender melaksanakan demikian akan mengakibatkan Tawaran Tender Tidak Akan Dipertimbangkan.

No.	NO SIRI DOKUMEN PELAWAAN: MyCC (T), Bil.2/2023 <i>(sila isi no. siri di atas seperti yang tertera di muka depan dokumen pelawaan)</i>			
	Dokumen Yang Perlu Diserahkan	Sila Tanda (√)		
		Ditanda oleh Petender	Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Tender	Muka Surat di Tawaran Teknikal
1.	Jadual Teknikal Spesifikasi Perkhidmatan Membangunkan Sistem e-Pembelajaran 2.0 Program Pematuhan Persaingan Untuk Pihak Berkepentingan yang telah diisi dan dilengkapkan (Lampiran A1)			
2.	Penyerahan Cadangan Rekabentuk Sistem (Lampiran A2)			
3.	Cadangan Jadual Pelaksanaan (Lampiran A3)			

JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL

Perkhidmatan Merekabentuk, Membangun dan Menguji Sistem e-Pembelajaran 2.0 Program Pematuhan Persaingan Untuk Pihak Berkepentingan

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUTHARGA
	TENDER BAGI MEMBANGUNKAN SISTEM E-PEMBELAJARAN 2.0 PROGRAM PEMATUHAN PERSAINGAN UNTUK PIHAK BERKEPENTINGAN.			
1.0	UMUM			
1.1	Memastikan Pembangunan Sistem mengambil kira keperluan kriteria penilaian penarafan lam web yang telah ditetapkan oleh MAMPU iaitu melalui penilaian yang menggunakan sistem pemantauan laman Web dan <i>Service Kerajaan (SPLaSK 2.0)</i>			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUTHARGA
1.2	<p>Memastikan Pembangunan sistem mengambil kira aspek keselamatan, compliance to open standard serta mengikut standard sedia ada seperti Data <i>Dictionary</i> Sektor Awam (DDSA), PKPA Bil.2 2015 – Pengurusan Laman Web Agensi Sektor Awam, <i>Management Information Communication Technology Security Handbook</i> (MyMIS), <i>Malaysian Government Interoperability Framework</i> (MyGIF), <i>Malaysian Government Interoperability Framework For Open Source Software</i> (MyGIFOSS), Garis Panduan IT <i>Outsourcing</i> Agensi-Agensi Sektor Awam, Panduan Pelaksanaan Pengurusan Projek ICT Sektor Awam dan Garis Panduan Penggunaan ICT ke Arah ICT Hijau dan Perkhidmatan Awam di mana berkenaan.</p>			
1.3	<p>Mempunyai pengalamanan dalam pelaksanaan pembangunan sistem seumpama ini. Sila nyatakan sistem berkaitan eLearning yang telah berjaya dibangunkan dan sedang dalam operasi.</p>			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUTHARGA
1.4	<p>Melaksanakan pembangunan sistem secara holistik merangkumi skop-skop kerja seperti disenaraikan di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Melaksanakan <i>User Requirement Study</i> (URS) untuk mengenalpasti keperluan sistem secara terperinci. - Merekabentuk dan membangun sistem mengikut spesifikasi yang telah dipersetujui melalui sesi URS termasuk kandungan. - Melaksanakan migrasi data jika diperlukan. - Melaksanakan pengujian sistem termasuk <i>User Acceptance Test</i> dan <i>Final Acceptance Test</i>. - Melaksanakan latihan kepada pengguna dan pentadbir sistem. - Meyediakan dokumentasi lengkap termasuk manual pengguna, kod sumber (<i>source code</i>), dan dokumentasi teknikal lain mengikut keperluan MyCC. - Menyediakan perkhidmatan sokongan teknikal dan jaminan (<i>warranty</i>) dari sebarang kerosakan dalam tempoh 24 bulan dari penerimaan sistem (FAT). 			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUTHARGA
1.5	<p>Mempunyai fungsi <i>course authoring</i> untuk mencipta soalan-soalan untuk menguji tahap kefahaman pelajar dan mesra pengguna seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mencipta soalan <i>multiple-choice</i> - Mencipta soalan format <i>short answer</i> - Mencipta kuiz atau soalan secara <i>gamification</i> - Mencipta kandungan jenis teks - Mencipta kandungan jenis audio dan video - Mencipta aktiviti-aktiviti dalam kursus - Fungsi muat turun bahan bacaan (<i>Learning resources</i>) 			
1.6	<p>Memastikan laman sesawang eLearning MyCC boleh dicapai dan dilayari dengan menggunakan pelbagai peranti seperti komputer riba, tablet, dan telefon pintar (IOS dan Android) dan pelbagai web browser utama seperti <i>Microsoft Edge, Mozilla Firefox, Google Chrome</i> dan Safari versi terkini.</p>			
1.7	<p>Membangunkan laman sesawang eLearning MyCC yang menyokong fungsi dwi-bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.</p>			
1.8	<p>Membangunkan <i>system eLearning</i> yang menyokong elemen <i>Augmented Reality (AR), Gamification</i> dan ciri-ciri yang akan meningkatkan minat pengguna.</p>			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUTHARGA
1.9	Bekerjasama dengan pegawai MyCC untuk memberi cadangan dari segi pendekatan dan rekabentuk kandungan agar iainya tepat dan mesra pengguna serta menarik minat pengguna.			
1.10	<p>Membangunkan sistem eLearning yang akan mengabungkan ciri-ciri kandungan atas talian terkini yang dapat memenuhi keperluan MyCC untuk menarik minat dan perhatian pengguna. Sebagai contoh:</p> <p><i>Gamification</i> <i>Augmented Reality (AR)</i> Dunia Digital (Metaverse) Pemilihan dan Ubahsuai Avatar</p> <p>*Satu (1) Metaverse mewakili 1 Modul (Lima (5) Modul Keseluruhan)</p>			
1.11	<p>Mempunyai fungsi pengurusan pelajar seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengkategorikan pelajar mengikut kumpulan, kelas, syarikat dan kemasukan (<i>enrollment</i>). • Memantau tahap kemajuan pelajar (<i>Progress bar</i>). • Komunikasi dengan pelajar melalui <i>chat</i>, forum, <i>survey</i>, atau <i>polls</i>. • Fungsi notifikasi melalui emel. 			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPEKIFIKASI MINIMA	SPEKIFIKASI PENYEBUTHARGA
1.12	Mempunyai fungsi untuk menjana sijil latihan dalam bentuk pdf (eCert) dan digital badges.			
1.13	Mempunyai fungsi pentadbir untuk menghasilkan analisa statistik data termasuk data dalam bentuk infografik dan pelaporan.			
1.14	Mempunyai fungsi untuk mempromosikan kursus atau eLearning MyCC di sosial media. Sebagai contoh perkongsian ke media sosial atau kaedah lain dan boleh memaparkan pencapaian di Facebook atau mana-mana media sosial yang lain.			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUTHARGA
1.15	<p>Perlu memahami keperluan MyCC dalam pembangunan laman sesawang eLearning MyCC. Membangunkan sistem pengurusan pembelajaran, menyediakan satu platform yang berasaskan web bagi membuat dan menyampaikan content, memantau penyertaan peserta dan menilai prestasi pengguna disamping menerap ciri-ciri <i>gamification</i> atau lain-lain pendekatan untuk meningkat minat pengguna (<i>engagement</i>). Antara-antara modul-modul dan fungsi adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Modul Log Masuk. • Modul Pengurusan User ID dan Kata Laluan. • Modul Pentadbir. • Modul Laporan. • Modul Jemputan Latihan. • Modul Penjana Sijil Kendiri. 			
1.16	<p>Membangunkan laman sesawang eLearning MyCC menggunakan kaedah <i>Content Management System</i> (CMS) dan/atau <i>Learning Management System</i> (LMS).</p>			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUTHARGA
1.17	<p>Menyatakan jenis perisian yang akan digunakan bagi bagi pembangunan laman sesawang eLearning MyCC yang dicadangkan :</p> <p>a. Sistem CMS dan/atau LMS. b. Pangkalan data. c. <i>Operating System</i>. d. Lain-lain yang berkaitan.</p>			
1.18	<p>Mampu menampung sebanyak 300 pengguna pada satu masa dan boleh ditambah baik dengan menambang bilangan mengikut mengikut keperluan pada bila-bila masa.</p>			
1.19	<p>Pendaftaran masuk (<i>learner enrollment</i>) dengan pelbagai kaedah untuk memudahkan penyertaan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pendaftaran oleh pentadbir kursus. • Pendaftaran menggunakan kod akses. • Pendaftaran terbuka (<i>open public access</i>). • Pendaftaran mengikut IPTA/IPTS dan Fakulti. • Pendaftaran mengikut persatuan atau syarikat. 			
1.20	<p>Melaksanakan <i>User Acceptance Test</i> (UAT) dan melakukan pembetulan ke atas sebarang bugs atau ralat yang ditemui semasa ujian UAT. Ujian UAT akan menggunakan development environment yang perlu di sediakan oleh petender.</p>			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUTHARGA
1.21	Menyerahkan skrip ujian UAT dan FAT untuk semakan dan kelulusan MyCC sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum hari pelaksanaan ujian.			
1.22	Melaksanakan <i>Final Acceptance Test</i> (FAT) dan memastikan semua bugs atau ralat yang ditemui semasa ujian UAT telah diperbetulkan dengan sempurna.			
1.23	Melaksanakan ujian keselamatan untuk menjamin tahap keselamatan sistem untuk mengelakkan dari penggodaman dan salah guna.			
1.24	Menyediakan laporan untuk setiap fasa pengujian.			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUTHARGA
1.25	<p>Senaraikan Perisian/Aplikasi yang digunakan oleh Penyebut Harga dalam membangunkan laman sesawang eLearning MyCC.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Pengaturcaraan Berasaskan Web: (Nyatakan) • Perisian Pangkalan Data (<i>Database</i>): (Nyatakan) • Aplikasi Sistem CMS dan/atau LMS: (Nyatakan) • Perisian <i>Web Server</i> : (Nyatakan) • Lain-lain yang berkaitan. Sila nyatakan (jika ada) • Tempoh masa yang diperlukan untuk menyiapkan sistem eLearning MyCC: (Nyatakan) 			
1.26	Sistem eLearning perlu disiapkan dalam tempoh 3 bulan selepas dilantik.			
1.27	Menyediakan <i>payment gateway</i> seperti FPX, Applepay, ewallet dan lain-lain lagi.			
2.0	PENYELENGGARAAN DAN JAMINAN			
2.1	Penyebutharga yang dilantik perlu menyelenggara sistem selepas <i>system go live</i> sepenuhnya. Penyelenggaraan adalah dalam tempoh jaminan iaitu 24 bulan.			
2.2	Skop penyenggaraan terbahagi kepada 2 iaitu			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUTHARGA
	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Preventive Maintenance</i> Menyediakan 24 x 7 pemantauan • <i>Corrective Maintenance</i> Mengkaji, menganalisa, dokumentasi semula keseluruhan system dan mencadangkan apa-apa penyelesaian yang bersesuaian. 			
2.3	<p>Memantau Perisian dan Sistem Pengoperasian</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melakukan kerja-kerja <i>housekeeping</i> dan <i>fine tuning</i> terhadap Sistem Pengoperasian, aplikasi dan pangkalan data dengan membuang fail yang tidak berguna seperti <i>Temporary Files</i>. • Mengemaskini system pengoperasian dengan <i>system</i> dan <i>updates</i> yang terkini. • Memantau <i>server log</i> bagi menjejaki dan mengatasi ralat pada pengoperasian. • Melakukan <i>backup</i> ke atas ystem dan pangkalan data mengikut jadual yang ditetapkan. • Sekiranya berlaku <i>corrupt</i> kepada <i>system</i>, <i>restore</i> ke atas data backup perlu dibuat dan seterusnya memastikan ianya dapat berfungsi dengan baik. • Memastikan tahap keselamatan perkakasan, perisian, aplikasi dan pangkalan data selamat dan terjamin. 			
2.4	<p>Aplikasi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memastikan sebarang pepijat (<i>bugs</i>) yang wujud 			

BIL	ITEM/CIRI	KUANTITI	SPESIFIKASI MINIMA	SPESIFIKASI PENYEBUTHARGA
	<p>dalam portal dan modul sistem akan diperbetulkan dengan cepat.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memastikan integrasi modul-modul dapat berfungsi dengan baik dan menjalankan pemeriksaan berkala bagi memastikan prestasi yang optimum; • Melaksanakan kerja-kerja <i>housekeeping</i> dan <i>fine tuning</i>. • Menjanakan laporan mudah dan memenuhi permintaan pengguna. 			
2.5	<p>Pangkalan Data</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memantau, mengawal dan menjana akses dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan ke atas pangkalan data. • Melaksanakan kerja-kerja <i>housekeeping</i> dan <i>fine tuning</i>. • Melaksanakan <i>database recovery</i> berpandukan pelan <i>backup</i> dan <i>recovery</i> yang dicadangkan apabila berlaku masalah yang melibatkan pangkalan data. • Melaksanakan pengujian ke atas <i>recovery</i> dan perlu mendapatkan pengesahan pengguna selepas <i>restored</i> dibuat ke atas pangkalan data. 			

Lima (5) Modul eLearning:

BIL	Module	Details
1.	Module 1: <i>Misconception</i>	<p>Module 1: <i>Misconception</i></p> <ul style="list-style-type: none"> (a) <i>The Role of MyCC – Is MyCC a Price Regulators?</i> (b) <i>Bid Rigging</i> (c) <i>Monopoly is Unlawful</i> (d) <i>Cartel Agreements</i> (e) <i>MyCC as Quasi – Judicial Body</i> <p><i>** There will be case study and tests/quizes after each module</i></p>
2.	Module 2: <i>Overview of Competition</i>	<p>Module 2: <i>Overview of Competition</i></p> <ul style="list-style-type: none"> a) <i>About MyCC</i> b) <i>Competition Act 2010</i> c) <i>Introduction to Competition Act 2010</i> <p><i>**There will be a video acting provided by MyCC – Scene 1 - 6</i></p>

BIL	Module	Details
3.	Module 3 (Section 4): Competition Act 2010 (Cartel & Bid Rigging)	<p><i>Module 3: Section 4: Competition Act 2010 (Cartel & Bid Rigging)</i></p> <p><i>a) Anti- Competitive Agreements</i></p> <p><i>b) Examples of Anti Competitive Agreements:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <i>I. Price Fixing</i> <i>II. Bid Rigging</i> <i>III. Market Sharing</i> <i>IV. Limiting Production</i> <p><i>c) Resale Price Maintenance</i></p> <hr/> <p>Module 3.2 : Horizontal Agreements</p> <p>Prohibite Horizontal Agreements</p> <p>**There will be tests/quizes after each module.</p> <p>Module 3.2.1 : Price Fixing in the Market in which the Enterprises Compete</p> <p>**There will be tests/quizes after each module.</p> <p>Module 3.2.2 : Price-Fixing (Fixing Discount Rates and Labour Fees)</p> <p>**There will be case study and tests/quizes after module.</p> <p>Module 3.2.3 : Market Sharing or Sources of Supply</p> <p>**There will be case study and tests/quizes after module.</p> <p>Module 3.2.4 : Limiting or Controlling</p>

BIL	Module	Details
		<p>**There will be case study and tests/quizes after module.</p> <p>Module 3.2.5 : Bid Rigging</p> <p>**There will be case study and tests/quizes after module.</p>
4.	<p>Module 4 (Section 10): Competition Act 2010 (Abuse of Dominant Position)</p>	<p>Module 4: Section 10 Competition Act 2010 (Abuse of Dominant Position)</p> <p>a) What is an abuse of dominant position? b) Abuse of Dominant Position</p> <hr/> <p>Module 4.1: Predatory Pricing</p> <p>a) What is predatory pricing?</p> <p>**There will be case study and tests/quizes after module.</p> <hr/> <p>Module 4.2: Price Discrimination</p> <p>a) What is price Discrimination?</p> <p>**There will be case study and tests/quizes after module</p> <hr/> <p>Module 4.3: Exclusive Dealing</p> <p>(a) What is Exclusive Dealing</p> <p>**There will be case study and tests/quizes after module</p> <hr/> <p>Module 4.4: Bundling and Tying</p> <p>(a) What is Bundling and Tying</p> <p>**There will be case study and tests/quizes after module</p>

BIL	Module	Details
5.	Module 5: Merger Control Regime	<p><i>Module 5: Concept of Merger Control Regime.</i> <i>Module 5.1: Benefit Merger Control Regime to the Economy</i></p> <p><i>***Further information/ additional subtopic/input will be discussed during User Requirement Study (USR)</i></p>

LAMPIRAN A2

Cadangan Rekabentuk Sistem

*Digalakkan menyediakan dalam bentuk softcopy

LAMPIRAN A3

Cadangan Jadual Pelaksanaan

